

Surat Terbuka kepada YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani

Jerebu Rentas Sempadan – Peluang untuk Malaysia Memimpin Amalan Perladangan Bertanggungjawab di ASEAN

YB Datuk Seri Johari Abdul Ghani,

Tahniah atas pelantikan YB sebagai Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar. Dengan jawatan baru ini dengan tanggungjawab yang besar untuk membentuk masa depan yang lebih bersih, sihat, dan lestari untuk Malaysia serta jiran-jiran kita di ASEAN.

Salah satu cabaran yang mendesak yang dihadapi rantaui kita ialah jerebu rentas sempadan yang sering berulang, satu krisis yang telah membelenggu Asia Tenggara selama beberapa dekad. Ia bukan sekadar masalah bermusim; ia merupakan isu kesihatan awam, beban ekonomi, dan bencana alam sekitar. Baru-baru ini, beberapa negeri di Semenanjung Malaysia sekali lagi terjejas akibat jerebu rentas sempadan, menekankan keperluan tindakan tegas segera.

Mengapa Krisis Jerebu Perlu Ditangani Segera

Sejarah telah menunjukkan kesan negatif jerebu. Jutaan rakyat Malaysia, Singapura, dan Indonesia terpaksa menghirup udara kotor. Sekolah ditutup, kanak-kanak tercicir pelajaran, sektor pelancongan terhenti, penyakit pernafasan meningkat, penerbangan dibatalkan, perniagaan merosot, petani dan nelayan kehilangan mata pencarian, manakala sistem kesihatan awam berada dalam tekanan.

Punca utama telah lama diketahui— Kemerosotan tanah gambut, pembukaan tanah dengan kaedah tebang dan bakar, terutamanya di Sumatera dan Kalimantan, yang didorong oleh pembukaan ladang kelapa sawit dan pulpa kayu. Isu ini rumit kerana ia melangkaui sempadan negara. Tiada satu negara pun mampu menyelesaikannya bersendirian.

Ketika Malaysia mengambil alih Pengerusi ASEAN pada tahun 2025, kepimpinan kita dalam kelestarian dan menangani cabaran rentas sempadan akan menjadi tumpuan. Jika jerebu berulang, ia akan menjelaskan kredibiliti Malaysia pada saat kita sepatutnya menunjukkan kepimpinan serantau dalam tindakan iklim dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

Peluang Malaysia untuk Memimpin

1. Menggerakkan Amalan Perniagaan Bertanggungjawab

Jerebu bukan sahaja isu alam sekitar—ia juga merupakan isu tadbir urus dan tanggungjawab perniagaan. Industri perladangan Indonesia dan Malaysia sangat berkait rapat. Beberapa

syarikat perladangan, termasuk syarikat Malaysia yang beroperasi di Indonesia, telah pernah dikaitkan dengan amalan tidak lestari.

Ini peluang untuk sektor perladangan Malaysia membuktikan mereka tidak lagi bertolak ansur dengan penebangan hutan atau kemasuhan tanah gambut. Jika tidak, syarikat milik Malaysia di Indonesia berisiko dipersalahkan kerana menyumbang kepada jerebu, seperti yang berlaku pada krisis 2015 dan [2019](#).

Cara terbaik untuk memulihkan reputasi sektor perladangan adalah jelas:

- Hentikan kemasuhan tanah gambut yang mencetuskan kebakaran.
- Pastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam rantai bekalan.
- Buktiakan kepada dunia bahawa syarikat Malaysia bersih dan bertanggungjawab.

Langkah yang lebih tegas bukan sahaja memperbaiki kualiti udara tetapi juga membantu Malaysia menonjol sebagai peneraju etika dan kelestarian di pasaran global.

2. Menggubal Undang-Undang untuk Menangani Jerebu Rentas Sempadan

Seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam [laporan Hak Terhadap Udara Bersih](#), Malaysia perlu menggubal Akta Udara Bersih yang komprehensif untuk mencegah pencemaran udara rentas sempadan.

Undang-undang sebegini akan:

- Memberi kuasa kepada kerajaan untuk mempertanggungjawabkan warganegara dan syarikat Malaysia, walaupun operasi mereka di luar negara menyumbang kepada jerebu.
- Bertindak sebagai pencegah terhadap amalan tidak bertanggungjawab.
- Melengkapi amalan perladangan lestari dan usaha pemulihan tanah gambut untuk mencegah kejadian jerebu pada masa hadapan.

Bagi syarikat yang tidak terlibat dalam kebakaran tanah gambut atau jerebu, ini bukan ancaman tetapi peluang. Menyokong undang-undang sebegini membuktikan mereka bersih, telus, dan bertanggungjawab. Hukuman hanya akan dikenakan kepada “pesalah sebenar”, sekali gus melindungi integriti syarikat yang bertanggungjawab.

Malaysia pernah menyatakan undang-undang pencemaran udara rentas sempadan adalah mungkin. Kini masanya untuk menunjukkan kemauhan politik bagi merealisasikannya.

3. Menggunakan ASEAN untuk Memperkasa Hak Alam Sekitar

Walaupun Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Rentas Sempadan sudah wujud, ia masih belum cukup berkesan untuk menamatkan krisis ini. Malaysia boleh menggunakan

Pengerusinya dalam ASEAN untuk memperjuangkan Hak Alam Sekitar ASEAN, selaras dengan resolusi PBB yang baru-baru ini mengiktiraf hak kepada alam sekitar yang bersih, sihat, dan lestari.

Pengiktirafan hak ini bermaksud kerajaan perlu mencegah kerosakan alam sekitar, syarikat perlu dipertanggungjawabkan atas kemusnahan alam sekitar, ASEAN bergerak daripada janji kepada tindakan yang jelas demi keadilan, kesihatan, dan kelestarian generasi akan datang.

Langkah ini akan meletakkan Malaysia sebagai suara serantau untuk udara bersih, tanggungjawab korporat, dan pembangunan lestari, membuktikan solidariti ASEAN mampu menangani cabaran rentas sempadan yang paling sukar.

Kesimpulan :

YB Menteri, krisis jerebu rentas sempadan telah berlarutan terlalu lama. Kini kita perlukan perubahan yang berkekalan.

Pengerusian Malaysia dalam ASEAN tahun ini menumpukan tema “Inklusiviti dan Kelestarian”—tema yang mesti diterjemahkan dengan tindakan berani. Dengan menggerakkan amalan perniagaan bertanggungjawab, menggubal Undang-Undang Udara Bersih, dan memperjuangkan Hak Alam Sekitar ASEAN, Malaysia boleh melindungi rakyatnya, menjaga rantau ini, dan menetapkan standard baharu untuk akauntabiliti korporat.

Bersama-sama, kita boleh menjaga dan memastikan generasi akan datang bebas daripada pencemaran jerebu. **Masa untuk tindakan tegas adalah sekarang.**

Terima kasih,

Heng Kiah Chun
Ketua Jurukempen
Greenpeace Malaysia